

Usah biayai spekulasi: PM

Oleh DELAILA HUSSAIN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Sektor bank diingatkan supaya lebih berhati-hati dalam memberi pinjaman bagi membiayai pembelian saham untuk tujuan spekulasi supaya mereka tidak terdesak untuk memfliskan pelabur seperti yang berlaku ketika ekonomi negara meleset sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyarankan sektor bank supaya bergiat cergas untuk menggalakkan pertumbuhan pembangunan yang berkaltan pelancongan kerana industri itu diramalkan terus berkembang sehingga tahun depan dan 1992.

Berucap di majlis makan malam tahunan institusi-institusi kewangan di sini malam ini, Perdana Menteri berkata kekurangan serius dalam bilangan bilik hotel dijangka berlaku dalam tempoh beberapa tahun lagi dan menasihatkan mereka bahawa pelaburan dalam projek pelancongan lebih selamat.

Langganan

Mengenai bursa saham yang aktif semula kebelakangan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kini berlaku kegiatan spekulasi berlebihan yang menyebabkan kenaikan harga yang tidak mencerminkan prestasi sebenar syarikat terbabit.

Sejak kebelakangan ini, bursa saham semakin aktif dan penyenaian beberapa syarikat tertentu menarik bilangan pelabur yang ramai. Lebih langganan yang besar setiap kali tawaran awam diadakan, sudah menjadi kebiasaan.

"Ada di antara kegiatan spekulasi itu dibiayai oleh sektor bank. Saya tidak menjangka kelembapan ekonomi akan berlaku dalam jangka masa pendek, tetapi pihak bank tidak harus membiayai pembelian saham untuk tujuan spekulasi semata-mata."

"Kegiatan spekulasi yang berlebihan adalah tidak sihat dan bank yang lalai akan terpaksa memfliskan orang yang terbabit," katanya.

● LIHAT MUKA 11

Bursa saham bukan institusi perjudian

● DARI MUKA 1

Perdana Menteri mengingatkan bahawa bursa saham bukan institusi perjudian. Sebaliknya, ia harus digunakan sebagai saluran untuk mendapatkan pelaburan tambahan dan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan.

"Apa yang saya katakan memang perkara yang nyata tetapi perkara ini perlu diulang untuk kebaikan semua. Ramai orang tidak mengindahkan perkara yang nyata dan disebabkan itu ramai yang terperangkap," katanya.

Menurutnya sektor bank perlu diingatkan dari semasa ke semasa kerana kelembapan ekonomi yang baru berlaku menunjukkan bahawa sektor bank juga boleh terperangkap seperti manusia biasa.

Katanya pasaran hartanah sedang melambung dan semua orang tertumpu kepada sektor itu. Hampir setiap syarikat menubuhkan anak sya-

rikat atau bahagian pembangunan hartanah.

"Masalahnya, pasaran hartanah tidak pernah stabil dan apabila berlaku ia diselubungi kelembapan, ramai akan terperangkap lagi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata oleh itu, sektor bank perlu bersikap memilih dalam membiayai pembangunan hartanah kerana kini sudah ada petunjuk mengenai kemungkinan berlaku lebih penawaran dalam pasaran kondominium, perumahan dan ruang pejabat tidak lama lagi.

Katanya pembangunan projek perumahan dan ruang pejabat sudah banyak dimulakan tetapi sebaliknya, projek-projek berkaitan pelancongan seperti pembinaan hotel, masih belum dimulakan.

"Sekiranya unjuran mengenai pertumbuhan pelancongan adalah tepat, maka kekurangan serius dalam jumlah bilik hotel dijangka berlaku dalam tempoh beberapa tahun lagi," katanya.